

22 MAR 1999

CUEPACS SAMBUT BAIK RUMAH MURAH DI KUALA LUMPUR

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) hari ini menyambut baik pengumuman Perdana Menteri yang kerajaan akan membina rumah kos rendah untuk penduduk di Kuala Lumpur.

Presiden Cuepacs N. Siva Subramaniam berkata, Kongres itu berharap semua kerajaan negeri akan juga mengikut langkah kerajaan pusat itu bagi membina lebih banyak rumah kos rendah.

"Setakat ini Cuepacs tidak puas hati tentang jumlah rumah kos rendah yang dibina berbanding dengan rumah kos mewah," katanya dalam kenyataan di sini.

Sabtu lepas, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan bahawa selain sektor swasta, kerajaan sendiri akan membina rumah-rumah kos rendah di Kuala Lumpur bagi disewakan kepada golongan berpendapatan rendah dengan sewa berpatutan.

Siva berkata masalah perumahan merupakan suatu yang serius dengan kakitangan kerajaan terpaksa membelanjakan sehingga 50 peratus gaji bulanan mereka bagi sewa rumah.

Jaminan kerajaan bahawa sewa rumah-rumah itu rendah dan dalam kemampuan adalah juga baik, katanya.

Siva berkata, pembinaan rumah kos rendah akan turut membantu pembangunan industri pembinaan negara yang kini terjejas akibat kegawatan ekonomi.

-- BERNAMA

RV PR